

# Pelabur kena bantu atasi pengangguran

**K**UALA TERENGGANU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan pelabur dan pengusaha supaya merancang projek pembangunan dengan teliti termasuk menyediakan latihan kepada pekerja tempatan bagi mengelak pergantungan tenaga kerja asing.

Perdana Menteri berkata, langkah menyediakan latihan kepada pekerja tempatan sebelum kilang atau industri beroperasi akan dapat membantu mengatasi masalah pengangguran di kalangan pencari kerja dalam negara.

"Apa yang berlaku ketika ini ialah buat projek di sana sini... umumkan peruntukan tetapi tiada program latihan. Apabila kilang dibuka, pekerja tempatan yang mahir tidak cukup dan kekosongan jawatan terpaksa di-

isi pekerja luar.

"Jika ada perancangan awal, kemasukan pekerja asing untuk industri yang boleh diisi pekerja tempatan tidak berlaku," katanya pada sidang media selepas melawat tapak Masjid Kristal di Taman Tamadun Islam (TTI), Pulau Wan Man, di sini, semalam.

Perdana Menteri meminta pihak yang bertanggungjawab meluluskan projek supaya mengambil maklumat terperinci berkaitan projek itu, termasuk jumlah pekerja yang akan terbabit serta kemahiran diperlukan.

Beliau berkata, jika latihan kemahiran diperlukan, program berkaitan perlu digerakkan sementara projek berjalan dan keutamaan harus diberikan kepada penduduk yang tinggal di kawasan berhampiran.

Ditanya mengenai blog dalam in-

ternet, Abdullah berkata, polis akan bertindak tegas dengan menahan dan menjalankan siasatan terhadap pihak yang dikenal pasti bertanggungjawab.

Beliau berkata, kerajaan akan memantau masalah itu dengan teliti kerana penyebaran berita palsu dan negatif boleh menimbulkan kekacauan, kehilangan kepercayaan terhadap kerajaan selain menyebarkan khabar angin.

"Orang yang menyebarkan benda tidak betul perlu ditahan dan diperiksa. Kita tidak boleh jadikan internet atau SMS (khidmat pesanan ringkas) sebagai peluang menyebarkan apa saja mengenai orang lain atau melakukan ugutan," katanya.

Terdahulu Perdana Menteri bersama Menteri Besar, Datuk Seri Idris

*MH - 2/8/2006*  
Jusoh menaiki perahu payang dari Kelab Teluk Warisan Terengganu di Pulau Duyung ke TTI.

Abdullah kemudian diberikan taklimat berkaitan TTI oleh Pengurus Besar Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT), Datuk Zakaria Awang sebelum menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Institut Teknikal Tinggi Terengganu (Tati) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda).

Tati diwakili Pengerusinya, Datuk Dr Abdul Latiff Awang, manakala Perda diwakili Pengerusinya, Datuk Hilmi Abdul Rashid. MoU itu membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama membangunkan bidang kemahiran yang kritikal di institusi masing-masing.